



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH BUDAYA SEKOLAH DAN IKLIM SEKOLAH TERHADAP
KEBERKESANAN SEKOLAH DI SEKOLAH MENENGAH KEJURUAN
NEGERI BEKASI JAWA BARAT INDONESIA

ABDUL MANAF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGARUH BUDAYA SEKOLAH DAN IKLIM SEKOLAH TERHADAP KEBERKESANAN SEKOLAH DI SEKOLAH MENENGAH KEJURUAN NEGERI BEKASI JAWA BARAT INDONESIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pengaruh budaya dan iklim sekolah terhadap keberkesanan sekolah pada Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi. Reka bentuk kajian dengan menggunakan kaedah tinjauan manakala pengumpulan data menggunakan soal selidik. Soal selidik diubahsuai dari pelbagai sumber yang disesuaikan dengan reka bentuk, sampel dan objektif kajian. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap budaya sekolah (min: 119, SD: 22), iklim sekolah (min: 146, SD: 33) dan keberkesanan sekolah (min: 149, SD: 22) berada pada tahap tinggi. Seterusnya terdapat perbezaan budaya sekolah, iklim sekolah dan keberkesanan sekolah berdasarkan latar belakang guru. Terdapat pengaruh yang signifikan antara iklim sekolah terhadap keberkesanan sekolah (β : .42, $P \leq .05$) dan terdapat juga pengaruh yang signifikan antara budaya sekolah terhadap keberkesanan sekolah (β : .39, $P \leq .05$). Kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan sekolah dapat ditingkatkan dengan penambahbaikan dan peningkatan kualiti budaya dan iklim sekolah. Implikasi kajian ini secara praktikal akan membantu dalam usaha meningkatkan keberkesanan sekolah melalui budaya dan iklim sekolah





EFFECT OF CULTURE AND SCHOOL CLIMATE OF THE EFFECTIVENESS OF SCHOOL AT VOCATIONAL HIGH SCHOOL BEKASI JAWA BARAT INDONESIA

ABSTRACT

This study aimed to investigate the effect of culture and school climate on the effectiveness of school at Vocational High School (SMK) in Bekasi. Design studies using survey methods and data was collected using questionnaires. The questionnaire was modified from a variety of sources that are tailored to the design, sample and objectives of study. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics. The results showed that the level of school culture (min: 119, SD:22), school climate (min: 146, SD: 33) and school effectiveness (min: 149, SD:22) are at a high level. There are differences in school culture, school climate and effectiveness of school-based teacher according to teacher background. There was a significant influence between school climate and school effectiveness (β : .42, $P \leq .05$) and there is also a influence between school culture on the effectiveness of the school (β : .39, $P \leq .05$). This study showed that the main factor in the effectiveness of the school can be enhance with the improvement and enhancement of the culture and climate of the school. Implications of this study are practical for whom, who are involve in increasing school efficiency through culture and school climate



**Muka Surat**

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv



BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Tujuan Kajian	28
1.5 Objektif Kajian	29
1.6 Persoalan Kajian	30
1.7 Hipotesis Kajian	31
1.8 Kepentingan Kajian	32
1.9 Batasan Kajian	34
1.10 Kerangka Kajian	35



 05-4506832	 2.6 Kesimpulan	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbups127	127
					130
	BAB 3 METODOLOGI KAJIAN				131
	3.1 Pengenalan				131
	3.2 Reka Bentuk Kajian				131
	3.3 Lokasi kajian				133
	3.4 Populasi dan Persampelan Kajian				133
	3.5 Instrumen Kajian				135
	3.6 Kajian Rintis				139
	3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen				141
	3.7.1. Kesahan dan Kebolehpercayaan Pembolehubah Budaya Sekolah				143
 05-4506832	 3.7.2. Kesahan dan Kebolehpercayaan Pembolehubah Iklim Sekolah	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbups145	145
	3.7.3. Kesahan dan Kebolehpercayaan Pembolehubah Keberkesanan Sekolah				148
	3.8 Tatacara Pengumpulan Data				152
	3.9 Tatacara Penganalisan Data				153
	3.10 Kesimpulan				159
	BAB 4 DAPATAN KAJIAN				160
	4.1 Pengenalan				160
	4.2 Demografi				161
	4.3 Analisis Data Pembolehubah				163
	4.4 Dapatan Kajian				164
	4.5 Kesimpulan				219

 BAB 5	 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	 220
5.1	Pengenalan	220
5.2	Rumusan Kajian	220
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	223
5.4	Implikasi Kajian	232
5.5	Cadangan Kajian	239
5.6	Penutup	242
RUJUKAN		243
LAMPIRAN		268

**No. Jadual****Muka Surat**

2.1	Rumusan Tujuan Pembelajaran Taksonomi Bloom	114-115
3.1	Persampelan Dalam Kajian	135
3.2	<i>Nilai Korelasi antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor yang Tinggi Dan Indeks Pembolehubah Alfa Cronbach bagi Aspek-aspek Budaya Sekolah</i>	143
3.3	<i>Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item Dengan Jumlah Skor dan Indeks Pembolehubah Alfa Cronbach Bagi Aspek-aspek Iklim Sekolah</i>	146
3.4	<i>Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item Dengan Jumlah dan Indeks Pembolehubah Alfa Cronbach Bagi Aspek-aspek Keberkesanan Sekolah</i>	149
3.5	Matrix Tatacara Penganalisisan Data	154
4.1	Profil Peserta Kajian Kuantitatif Berdasarkan Ciri Demografi	162
4.2	Garis Panduan Skor Min	164
4.3	Tahap Taburan Min dan Sisihan Piawai Budaya Sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi	166
4.4	Tahap Taburan Min dan Sisihan Piawai Iklim Sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi	168
4.5	Tahap Taburan Min dan Sisihan Piawai Keberkesanan Sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi	169
4.6	Ujian T Budaya Sekolah Menurut Guru Berasaskan Jantina	171
4.7	Skor Min Budaya Sekolah Menurut Guru Berasaskan Umur	174
4.8	Dapatan Anova Satu Hala Bagi Perbezaan Budaya Sekolah menurut Guru Berasaskan Umur	175
4.9	Ujian T Budaya Sekolah Menurut Guru Berasaskan Kelayakan	176
4.10	Skor Min Budaya Sekolah Menurut Guru Berasaskan Lama Berkhidmat	179



 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  Muka Surat			
No. Jadual			
4.11	Dapatan ANOVA Satu Hala Bagi Perbezaan Budaya Sekolah Menurut Guru Berasaskan Lama Berkhidmat	180	
4.12	Ujian T Iklim Sekolah Menurut Guru Berasaskan Jantina	181	
4.13	Skor Min Iklim Sekolah Menurut Guru Berasaskan Umur	185	
4.14	Dapatan Anova Satu Hala Bagi Perbezaan Iklim Sekolah menurut Guru Berasaskan Umur	186	
4.15	Ujian T Iklim Sekolah Menurut Guru Berasaskan Kelayakan	187	
4.16	Skor Min Iklim Sekolah Menurut Guru Berasaskan Lama Berkhidmat	190	
4.17	Dapatan ANOVA Satu Hala Bagi Perbezaan Iklim Sekolah Menurut Guru Berasaskan Lama Berkhidmat	191	
4.18	Ujian T Keberkesanan Sekolah Menurut Guru Berasaskan Jantina	192	
4.19	Skor Min Keberkesanan Sekolah Menurut Guru Berasaskan Umur	196	
4.20	Dapatan Anova Satu Hala Bagi Perbezaan Keberkesanan Sekolah menurut Guru Berasaskan Umur	197	
4.21	Ujian T Keberkesanan Sekolah Menurut Guru Berasaskan Kelayakan	198	
4.22	Skor Min Keberkesanan Sekolah Menurut Guru Berasaskan Lama Berkhidmat	202	
4.23	Dapatan ANOVA Satu Hala Bagi Perbezaan Keberkesanan Sekolah Menurut Guru Berasaskan Lama Berkhidmat	203	
4.24	Hubungan Antara Budaya Sekolah Terhadap Keberkesanan Sekolah	204-205	
4.25	Analisis Regresi Budaya Sekolah Terhadap Keberkesanan Sekolah	206	
4.26	Analisis Varians Uji Signifikansi dan Uji Linieritas Regresi	207	
 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi			

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi Muka Surat			
No. Jadual			
4.27	Rangkuman Hubungan Budaya Sekolah Terhadap Keberkesanan Sekolah		208
4.28	Hubungan Antara Iklim Sekolah Terhadap Keberkesanan Sekolah		210
4.29	Analisis Regresi Iklim Sekolah Terhadap Keberkesanan Sekolah		212
4.30	Analisis Varians Uji Signifikansi dan Uji Linieritas Regresi		213
4.31	Rangkuman Hubungan Budaya Sekolah Terhadap Keberkesanan Sekolah		214
4.32	Analisis Regresi Multivariat		215
4.33	Analisis Varian Regresi Linier Berganda		216
4.34	Rangkuan Uji Korelasi Berganda		217
4.35	Analisis Regresi Pembolehubah Bebas Terhadap Pembolehubah Bersandar		218



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Jenis-jenis sekolah: Sekolah cemerlang, sekolah kurang cemerlang dan sekolah tidak cemerlang	39
1.2	Hubungan Pembolehubah Kajian	42
2.1	Pola Pelakonan	76
4.1	Regresi Linier Sederhana Hubungan Pembolehubah Budaya Sekolah Terhadap Keberkesanan Sekolah	208
4.2	Regresi Linier Sederhana Hubungan Pembolehubah Iklim Sekolah Terhadap Keberkesanan Sekolah	214
4.3	Hubungan Antara Pembolehubah Bebas dan Pembolehubah bersandar	219



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

UUSPN	Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional.
UPPK	Unit Peringkat Pendidikan Kurikulum
KBK	Kurikulum Berbasis Kompetensi
KTSP	Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan
Dirjen Dikdasmen	Direktorat Jendral Pendidikan Dasar dan Menengah
MGMP	Musyawarah Guru Mata Pelajaran

A	Instrumen Penelitian	268
B	Hasil Kajian Rintis	279
C	Lampiran Dapatan Kajian	301



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keberkesanan sekolah ialah salah satu tujuan yang ingin dicapai dalam dunia pendidikan. Sekolah yang berkesan memiliki kualiti pendidikan yang baik dan menghasilkan prestasi belajar yang tinggi. Sekolah yang dikatakan berkesan ialah apabila sesebuah sekolah itu mencapai matlamat yang disasarkan malah melebihi daripada harapan dan matlamat yang disasarkan.

Keberkesanan sekolah dicapai hasil sumbangan pelbagai faktor di dalamnya termasuk budaya dan iklim sekolah. Budaya dan iklim sekolah yang kondusif menyumbang kepada keberkesanan sekolah, serta adanya pencapaian matlamat sekolah. Pendidikan di sekolah pada asasnya ialah satu usaha untuk menerapkan nilai-nilai budaya yang bertujuan untuk memelihara, membangun dan mengubah budaya masyarakat. Pembangunan nilai, tingkah laku, rancangan dan strategi sekolah adalah antara corak dalam menghasilkan budaya sekolah yang boleh dikongsi oleh warga di dalamnya (Yuliono, 2011). Pendidikan menjadi sangat penting sebagai landasan dalam peningkatan kualiti akhlak, moral dan budi pekerti yang luhur. Semua itu perlu diberikan kepada pelajar melalui pembentukan budaya sekolah yang baik.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Budaya sekolah dilaksanakan hasil interaksi unsur-unsur seperti pengetua sekolah, guru, kakitangan pentadbiran dan pelajar yang wujud di dalam sekolah. Stolp (1995) menjelaskan budaya sekolah yang sihat mempunyai hubungan yang kuat dengan pencapaian akademik dan motivasi, produktiviti dan kepuasan guru. Sekolah yang berkesan mempunyai budaya sekolah yang baik dan sentiasa berusaha mengatasi masalah yang mungkin boleh menurunkan kualiti budaya sekolah tersebut. Masalah tingkah laku umpamanya akan memberikan kesan kepada budaya dalam sekolah yang secara tidak langsung menurunkan kualiti pendidikan di sekolah. Kajian Meece (2003) menyatakan bahawa pelajar perlu membentuk sikap yang lebih positif, bermotivasi dan melibatkan diri dalam pembelajaran akademik. Selain masalah tingkah laku pelajar, faktor komunikasi dalam sekolah juga menjadi faktor yang mempengaruhi kualiti budaya sekolah. Akibat daripada kurangnya komunikasi interaksi di sekolah akan menyebabkan seseorang pelajar mengalami kegagalan dalam berinteraksi dengan orang lain. Pihak sekolah pula menekankan perkembangan pelajar yang seimbang, komunikasi yang baik dalam kalangan staf, program perkembangan staf yang berterusan dan persekitaran kerja yang baik. Suasana ini boleh menimbulkan salah faham atau salah pengertian antara satu dengan yang lain, sama ada guru, pelajar mahupun guru dengan pengetua sekolah sekiranya tidak mempunyai persekitaran yang kondusif.

Dalam sesebuah sekolah, budaya sekolah dibangunkan atas dasar interaksi antara seorang individu dengan individu yang lain. Jika kerjasama dalam kelompok dapat diselenggara dengan baik, matlamat sekolah akan tercapai iaitu sekolah itu mencapai matlamat sebagai sekolah yang memiliki peranan dalam keberkesanan

sekolah. Interaksi yang terjadi dalam sekolah turut dipengaruhi oleh interaksi di luar lingkungan sekolah. Guru dan pelajar dipengaruhi dengan berbagai-bagai interaksi yang terjadi di luar sekolah seperti isu ekonomi, sosial dan budaya asing melalui pergaulan seharian. Semua itu membentuk keperibadian diri seseorang yang dibawa ke dalam interaksi di dalam sekolah. Oleh itu, budaya sekolah yang dihasilkan harus memiliki kualiti yang bergantung kepada unsur-unsur sekolah seperti guru, pelajar dan pengetua sekolah. Kajian Huber (2004) mendapati sekolah yang diklasifikasikan sebagai berjaya mempunyai pemimpin sekolah yang kompeten, namun sebaliknya sekolah yang tidak berjaya, tidak mempunyai pemimpin sedemikian. Budaya sekolah yang berkualiti ditunjukkan oleh orang-orang yang memiliki keperibadian dan kualiti diri yang baik. Stolp (1994) mengatakan kepimpinan guru dapat mempengaruhi pelajar ke arah situasi pembelajaran yang menggalakkan dan membentuk budaya pelajar yang sesuai. Dalin (1993) juga menyarankan individu pertama yang perlu berubah dalam pembentukan sesuatu budaya ialah guru. Sehubungan itu, untuk menilai sesebuah nilai budaya sekolah, ia dapat dilihat daripada interaksi, nilai dan moral serta komunikasi yang tercipta dalam lingkungan sekolah tersebut.

Selain itu, pencapaian keberkesanan sekolah memerlukan iklim sekolah yang berkesan. Iklim sekolah yang berkesan memberikan perubahan dalam pencapaian prestasi pelajar, guru dan staf sekolah dan dapat dijadikan dasar dalam usaha memperbaiki iklim sekolah. Iklim dan persekitaran sekolah akan membawa pengaruh yang penting terhadap pembentukan tingkah laku, aspirasi dan interaksi sosial bagi anggota-anggota di dalamnya (Abdullah Sani, 2007). Iklim sekolah yang berkesan ialah sekolah yang mampu mewujudkan integrasi dan keharmonian sesama pelajar-pelajarnya dan mengurangkan jurang perbezaan sesama mereka.

Fisher dan Fraser dalam Daryanto (2015) juga menyatakan bahawa peningkatan mutu lingkungan kerja di sekolah dapat menjadikan sekolah lebih efektif dalam memberikan proses pembelajaran yang terbaik.

Pelajar akan berasa selesa dan senang dalam mengikuti aktiviti pembelajaran apabila sesebuah sekolah memiliki iklim yang kondusif. Ia terbentuk daripada interaksi individu-individu di dalam sekolah iaitu guru, staf, pengetua mahupun pelajar itu sendiri. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa sekolah yang berprestasi tinggi mempunyai tahap keceriaan yang lebih baik berbanding sekolah yang persekitarannya kurang ceria (Mohd Redzaudbin bin Ismail, 2008). Iklim sekolah yang menyenangkan memberi erti bahawa interaksi yang terjadi dalam sekolah sangat baik, harmoni dan kondusif. Iklim sekolah yang menyenangkan sangat diingini setiap pelajar kerana ia akan menyuntik semangat untuk belajar.

Justeru itu, baik atau buruknya iklim sekolah berkait rapat dengan interaksi yang terjadi di dalam sekolah tersebut. Sekolah yang memiliki iklim yang kurang menyenangkan akan memberi kesan negatif terhadap pencapaian prestasi pelajar. Pelajar menjadi malas dan kurang bersemangat dalam mengikuti proses pembelajaran. Hal ini disebabkan pelajar tidak berasa selesa dan tenteram dalam menjalankan kegiatan pembelajaran di sekolah. Budaya sekolah yang sihat ini mampu mewujudkan satu identiti atau imej sekolah yang sihat dan membanggakan agar menjadi contoh kepada pihak lain dan imej ini akan dapat dikekalkan oleh warganya. Mereka akan bersemangat untuk belajar apabila sekolah memiliki suasana yang menyenangkan, harmonis dan pelajar berasa nyaman di sekolah. Untuk itu, guru dan pengetua sekolah harus sentiasa berusaha memperbaiki dan memelihara iklim sekolah yang kondusif.

Hal ini dapat membantu perbaikan dan peningkatan prestasi pelajar di sekolah.

Natijahnya, iklim sekolah memerlukan peraturan dan pengawasan terhadap setiap kegiatan yang dilaksanakan bersesuaian dengan tujuan pendidikannya. Turney & Jenkins (1985) dan Reid & Holly (1987) menyatakan bahawa iklim sekolah ialah faktor utama menentukan kualiti pembelajaran pelajar di sekolah dan merupakan faktor penting dalam menentukan sekolah itu sekolah berkesan.

Keberkesanan sekolah tercapai dengan adanya budaya dan iklim sekolah yang berkesan. Sekolah yang berkesan memiliki suasana sekolah yang teratur, terkawal, tenang dan tertib yang memungkinkan atau menyediakan satu suasana yang kondusif kepada proses pengajaran dan pembelajaran berkesan dan positif. Ini dibuktikan oleh dapatan kajian Mortimore et al. (1988) dan Stoll (1994) yang menyatakan bahawa iklim sekolah yang positif, kondusif untuk pembelajaran dan persekitaran yang menyenangkan akan mendorong pelajar-pelajar berkelakuan baik dan sekali gus akan meningkatkan pencapaian akademiknya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan di Indonesia menurut data HDI (*Human Development Index*) menunjukkan bahawa pada tahun 2013, HDI Indonesia pada kedudukan 121 daripada 187 negara yang disenaraikan di dunia. Kedudukannya terletak di bawah Filipina (114), Thailand (103), Malaysia (64), Brunei Darussalam (30) dan Singapura (18) bagi rantau Asia Tenggara. Sementara itu pada tahun 2003, Indonesia berada pada kedudukan 112 manakala Vietnam (111) daripada 127 negara yang dikaji.

Manakala pada tahun 2006, berada pada kedudukan ke 109, tahun 2007 (108), dan tahun 2008 (107) daripada 177 negara. Indonesia menempati peringkat ke-108 dari 187 negara pada tahun 2013, atau tidak mengalami perubahan dari tahun 2012. Posisi tersebut menempatkan Indonesia pada kelompok menengah. Skor nilai HDI Indonesia sebesar 0,684, atau masih di bawah rata-rata dunia sebesar 0,702. Peringkat dan nilai HDI Indonesia masih di bawah rata-rata dunia dan di bawah empat negara di wilayah ASEAN (Singapura, Brunei, Malaysia, dan Thailand). Data yang diperoleh menunjukkan taraf pendidikan negara Indonesia berkualiti rendah jika dibandingkan di peringkat antarabangsa.

Menurut Laporan UNESCO dalam *Education For All Global Monitoring Report* (EFA-GMR), Indeks Pembangunan Pendidikan Untuk Semua atau *The Education for All Development Index* (EDI) Indonesia tahun 2014 berada pada peringkat 57 dari 115 negara. Selain itu menurut Peringkat pendidikan dunia atau World Education Ranking yang diterbitkan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) pada tahun 2016, Indonesia menempati urutan ke 60 dari total 65 negara. Menurut laporan OECD, Inggris posisinya digantikan Polandia dan Norwegia. Sementara untuk Indonesia mendapatkan nilai membaca 402, matematika 371, dan ilmu pengetahuan alam 383. Peringkat pendidikan dunia tersebut berkaitan dengan Program for International Student Assessment (Pisa). Dari data yang diterbitkan tersebut menunjukkan bahwa posisi Indonesia berada pada posisi dibawah dibandingkan dengan Negara-negara lainnya. Sementara posisi Negara tetangga seperti Thailand berada pada posisi peringkat ke 53.

Sehubungan itu, kerajaan serius menambah baik bidang pendidikan seperti yang dibuktikan melalui kelulusan Undang-undang No. 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional iaitu visi, misi dan matlamat baharu yang sebahagiannya merupakan manifestasi agenda reformasi. Perubahan asas yang mengisytiharkan Perlembagaan Sistem Pendidikan Negara termasuk demokrasi dan pendidikan, masyarakat dan cabaran dalam memainkan peranan globalisasi.

Untuk menghasilkan keberkesanan sekolah, pendidikan yang berkualiti menyediakan persekitaran yang kondusif, budaya kerja yang mantap dan amalan-amalan pengurusan pendidikan yang baik serta memiliki proses pembelajaran yang berkualiti pula. Faktor persekitaran dan budaya sekolah, jangkaan yang tinggi terhadap pencapaian serta penilaian yang kerap dilakukan juga membantu meningkatkan pencapaian murid (Brookeover & Lezotte, 1979; Edmonds, 1979). Gagne dalam Muhibbin (1998) menyatakan bahawa kejadian-kejadian dalam lingkungan sekolah sangat berpengaruh kepada hasil pembelajaran. Begitu pula dengan Salihan (2001) menyatakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan satu proses pengajaran yang menghasilkan satu proses pembelajaran yang berkesan yang dapat mengubah tingkah laku, membina dan mengembangkan aspek rohani, minda serta jasmani pelajar. Untuk pencapaian keberkesanan sekolah, wajar diwujudkan budaya sekolah yang kondusif. Dalam proses pendidikan pula, tidak boleh dipisahkan daripada pengaruh budaya. Peningkatan dalam sistem persekolahan, pada asasnya adalah untuk membina sekolah dengan kekuatan sekolah berkenaan. Peningkatan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah memerlukan pemahaman oleh masyarakat sekolah terhadap budaya sekolah.

Melalui pemahaman budaya sekolah, pihak sekolah dapat menterjemahkannya melalui tindakan sebenar untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

Budaya sekolah juga terbentuk daripada proses aktiviti yang menggalakkan pencapaian sekolah yang berkesan. Ia menjadikan budaya sekolah yang kuat mempengaruhi aktiviti dan hubungan manusia dalam organisasi sekolah. Budaya sekolah yang dibentuk menyediakan penyelesaian terhadap masalah yang wujud. Pelbagai hubungan dan kerjasama serta penyelesaian konflik dalam organisasi sekolah dapat diselesaikan ekoran kesediaan dalam menghadapinya. Saranan dikemukakan oleh Chuang, Church dan Zikic (2004) iaitu kesesuaian budaya organisasi akan dapat mengurangkan berlakunya konflik, sama ada kerja yang berkaitan atau berkaitan dengan hubungan antara individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengertian budaya menurut Koentjaraningrat (2000) ialah konsep keseluruhan sistem dan kerja-kerja tindakan manusia dalam masyarakat yang menjadikan manusia dengan pembelajaran. Budaya sekolah ialah ciri, sifat dan imej sekolah dalam masyarakat adalah lebih luas. Budaya sekolah akan memberi kesan yang besar ke atas aktiviti-aktiviti pembelajaran pelajar dan mempengaruhi guru-guru untuk melakukan kerja yang lebih cekap dan berkesan untuk mencapai prestasi guru yang baik .

Proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar kerana terdapatnya budaya sekolah yang menentukan tingkah laku dan matlamat yang diharapkan oleh guru-guru, pelajar dan pihak pemegang saham atau *stake holder*. Nilai dan norma yang berlaku di sekolah juga perlu memberi perhatian kepada budaya yang wujud dalam

masyarakat, terutama keluarga pelajar (Yuliono, 2011). PustakaTBainun ptbupsi

Kajian mengenai budaya sekolah ini telah berkembang dengan baik dan memberi sumbangan yang besar kepada penubuhan sekolah-sekolah yang berkesan. Olim et.al (2007) menyatakan bahawa budaya penyelidikan dalam mengkaji masalah pendidikan masih kurang kerana pendidikan dilihat sebagai masalah psikologi pendidikan dengan memberi tumpuan kepada persekitaran bilik darjah sebagai didaktik dan teratur.

Budaya sekolah merujuk kepada sistem nilai, kepercayaan dan norma yang diterima bersama-sama di sebuah sekolah. Ia dilaksanakan dengan penuh kesedaran oleh semua pihak yang terlibat di dalamnya. Pihak sekolah akan melibatkan komunikasi antara masyarakat sekolahnya untuk mencapai sesuatu tujuan (Wahjosumidjo, 2002). Pembentukan budaya ini ditentukan oleh persekitaran hasil daripada persefahaman antara semua unsur kakitangan sekolah iaitu pengetua sekolah, guru, pentadbiran dan pelajar. Hubungan emosional dan sosial antara pihak pengurusan dengan kakitangan bawahan juga harus mampu menciptakan iklim sekolah yang sihat (Goleman, 2001).

Aktiviti guru dan mereka yang terlibat dalam proses pembelajaran di sekolah akan membentuk budaya di sekolah. Justeru, baik atau buruk budaya sekolah bergantung kepada aktiviti-aktiviti yang berlaku dalam sekolah. Dengan itu, budaya sekolah akan menghasilkan pendidikan yang berkualiti apabila dilaksanakan oleh guru dan pengetua. Aktiviti yang terus berjalan dalam masa yang panjang akan menjadi tabiat yang membentuk budaya sekolah. Justeru, proses pembelajaran ialah usaha pencapaian sekolah yang berkesan. Short dan Greer (1997) mentakrifkan budaya sekolah sebagai keyakinan, polisi, norma, dan kebiasaan di dalam sekolah

yang boleh dibentuk, diperkukuhkan, dan dipelihara melalui kepimpinan pemimpin dan guru-guru di sekolah.

Dalam hal lain, lingkungan sosial yang dapat menyebabkan berlaku kejanggalan perilaku di sekolah ialah apabila pengurus, pemimpin atau guru-guru yang tidak memerhatikan pola persahabatan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar mereka. Masalah perilaku yang terbentuk dalam sekolah merupakan bukti berlaku perubahan dan sikap seseorang yang membentuk jati dirinya sehingga menjadi budaya dalam kehidupan seharian. Pelajar sering kalinya akan terlibat dalam pergelutan mental yang boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk mengambil bahagian dalam aktiviti atau interaksi bilik darjah secara bebas.

Kejanggalan perilaku terbentuk daripada interaksi dalam lingkungan keluarga dan masyarakat. Perubahan sikap dan perilaku seseorang lebih didominasi oleh interaksi yang dialami dalam lingkungan keluarga dan masyarakat. Kejanggalan kerap kali timbul akibat daripada pergaulan dan interaksi yang terjadi di sekolah selama ini dan membawa masalah yang cukup kompleks dalam sistem pendidikan. Persepsi warga sekolah terhadap lingkungan sekolahnya menjadi peramal terhadap afeksi pelajar, kognitif dan penglibatan tingkah laku (Wang & Halcombe dalam Voight, Nixon, Nation, 2011). Iklim sekolah terbentuk daripada interaksi antara guru, pelajar, pengetua, staf sekolah, keluarga dan masyarakat sekeliling. Semakin baik interaksi yang terjadi di dalam sekolah, akan semakin baik juga iklim sekolah.

Iklim sekolah merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi prestasi pelajar di sekolah sebagaimana disebutkan oleh Way, Reddy dan Rhodes (2007) bahawa terdapat hubungan antara persepsi pelajar terhadap iklim sekolah dengan kecenderungan munculnya masalah perilaku pelajar.

Sekolah akan memiliki budaya sekolah yang baik apabila setiap unsur di sekolah memiliki keperibadian dan sikap yang baik serta mampu membendung pengaruh buruk yang dicipta dalam lingkungan luar sekolah. Budaya sekolah meliputi nilai, simbol, kepercayaan, dan berkongsi makna para orang tua, murid, guru, dan lain-lain sebagai masyarakat dan menetapkan apa yang bernilai bagi kumpulan dan bagaimana seharusnya ahli berfikir, merasa, dan bertindak (Sergiovani dan Starrat, 2002). Semua aktiviti yang dijalankan di sekolah bertujuan menghasilkan pendidikan berkualiti kerana matlamat institusi dan kurikulum ditetapkan untuk matlamat bersama. Pendidikan negara yang berkualiti tidak hanya bergantung kepada kepakaran sains, tetapi turut mengutamakan sikap, tingkah laku dan tanggungjawab.

Remaja bergaul dengan pelbagai peringkat umur dalam masyarakat. Daripada pergaulan itu, remaja mula memahami norma pergaulan dengan peringkat umur kanak-kanak, remaja, dewasa dan orang tua. Justeru, kelakuan interaksi sosial yang dipraktikkan adalah impak daripada masalah sistem pendidikan secara keseluruhannya. Kelakuan ini berjalan melalui (nilai-nilai) sosial, (aspek) budaya, dan (faktor) struktural (masyarakat). Budaya kelakuan pelajar menjadi hal yang sangat berbahaya kerana ia membentuk perilaku pelajar yang memiliki moral dan akhlak yang rendah hasil daripada sistem pembelajaran di sekolah.

Pembentukan geng-geng atau kumpulan pelajar senior-junior serta pergaduhan merupakan salah satu gambaran rendahnya akhlak dan moral pelajar (Sahetapy, 2005).

Budaya sekolah menjadi penting disebabkan ia terbentuk daripada tingkah laku individu yang berada di sekolah. Dalam proses pendidikan, budaya berorientasikan pembangunan pendidikan yang berkualiti, dan peningkatan bentuk pembangunan dan pertumbuhan budaya sekolah akan menggalakkan kemajuan pelajar dan kualiti pembelajaran. Guru yang kompeten mampu mewujudkan persekitaran belajar yang lebih efektif dan mengurus kelasnya sehingga hasil pembelajaran para pelajar berada pada peringkat paling optimum.

Begitu pula dengan iklim sekolah yang memainkan peranan dalam keberkesanan sekolah. Iklim sekolah merujuk kepada kualiti dan karekter kehidupan sekolah yang didasarkan kepada pengalaman, norma, tujuan, nilai, hubungan antara personal, proses belajar-mengajar, corak kepemimpinan dan struktur organisasi yang ada di sekolah (*National School Climate Council, 2007*).

Kajian yang dijalankan oleh Wu (2005) di Taiwan turut menyatakan akan kepentingan iklim bilik darjah dan sekolah dalam menyumbang kepada pembentukan sekolah berkesan. Beliau menyatakan iklim sekolah adalah antara lima faktor penentu utama sekolah berkesan di Taiwan. Menurutnya, bagi meningkatkan lagi keberkesanan sesebuah sekolah, penekanan perlu diberikan terhadap kelima-lima faktor penentu yang dinyatakan termasuklah iklim sekolah yang kondusif.

Begitu pula Silalahi (2008) yang menemukan semakin positif iklim kelas maka motivasi belajar pelajar juga semakin tinggi. Daripada kajian tersebut terbukti bahawa iklim memiliki peranan yang tinggi terhadap pelajar. Pelajar akan bersemangat dalam belajar dan menjalankan proses pembelajaran dengan baik apabila berada di sekolah yang memiliki iklim yang baik.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Ahmad Zabidi (2003) mencatatkan purata nilai min yang kedua tertinggi bagi iklim sekolah yang kondusif dalam ciri sesebuah sekolah agama yang berkesan. Ini menunjukkan kajian beliau menjelaskan ciri iklim sekolah turut membantu ke arah keberkesanan sekolah. Sekolah yang berkesan memiliki pencapaian prestasi belajar pelajar yang tinggi iaitu pelajar dapat mencapai prestasi belajar lebih baik jika mereka berasa berada dalam iklim sekolah yang disenangi. Way, Reddy dan Rhodes (2007) melalui kajiannya juga menemukan kaitan erat antara iklim sekolah khususnya di sekolah menengah dengan kemampuan pelajar dalam penyesuaian diri termasuk dalam bidang akademik.

Pelajar yang aktif di sekolah akan menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak aktif. Sebaliknya, pelajar yang kurang aktif akan cenderung berprestasi buruk dan mengalami masalah perilaku (Wang dan Halcombe, 2010). Pelajar memiliki persepsi tersendiri terhadap apa yang dirasakan di sekolah dan persepsi positif pelajar terhadap iklim sekolah secara relatifnya akan mempengaruhi tingkah lakunya.

Iklim sekolah yang kondusif turut akan memberi peluang berkembangnya kreativiti guru dan pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran. Supriadi (1994) menyebutkan bahawa kreativiti seseorang muncul bukan hanya kerana dorongan intrinsik, malahan perlunya iklim lingkungan yang memungkinkan dia merasa aman untuk berkarya, berimajinasi dan berusaha sehingga ada keberanian mengambil risiko. Iklim sekolah berkaitan dengan lingkungan yang produktif dan kondusif untuk pelajar belajar dalam suasana yang mengutamakan kerjasama, kepercayaan, kesetiaan, keterbukaan, bangga dan komitmen. Iklim sekolah juga berkaitan dengan prestasi akademik, moral dan perilaku pelajar. Cohen et al. (2009) menjelaskan bahawa selama tiga dekad terakhir telah terjadi pertumbuhan penelitian yang luar biasa yang membuktikan pentingnya iklim sekolah. Penelitian membuktikan bahawa iklim sekolah yang positif memberi kesan langsung terhadap keberhasilan sekolah seperti pelajar menyambung pengajian, perilaku negatif menurun dan prestasi pelajar meningkat.

Budaya dan iklim sekolah yang positif boleh memainkan peranan yang penting dalam kesihatan, perkembangan emosi dan kemajuan akademik serta penglibatan pelajar-pelajar dalam kurikulum. Kajian Shahril (1997) mendapati iklim sekolah yang berkesan terhasil apabila suasana persekitaran fizikal sekolah atau bilik darjah aman, cantik, selamat dan cukup ruang untuk belajar. Peranan budaya dan iklim yang positif ini jika diamalkan secara tidak langsung dapat memberikan sumbangan yang besar terhadap perhubungan interpersonal di dalam kawasan sekolah tersebut. Manakala penurunan nilai budaya dan iklim sekolah pula akan menimbulkan penurunan tingkah laku dan moral para pelajar.

Bagi Azhar Susanto (2000) perilaku masyarakat berkait rapat dengan tahap pendidikannya. Tingkah laku pelajar yang bermoral dan berakhlak dibentuk oleh keluarga, masyarakat dan dilengkapi oleh sekolah sebagai asas kepada pendidikan dan pengetahuan pelajar. Apabila perubahan tingkah laku dan akhlak pelajar tidak diperhatikan dengan serius oleh ibu bapa, masyarakat dan sekolah, ia akan menimbulkan masalah mental dan moral pelajar sehingga pendidikan berkualiti tidak akan tercapai.

Pendidikan perilaku yang diterapkan dan peningkatan pendidikan agama dalam sekolah dapat memberikan perubahan yang baik kepada tingkah laku, moral dan akhlak pelajar. Hoy dan Miskel (2008) menjelaskan iklim sekolah merujuk kepada hati dan jiwa sesebuah sekolah, psikologi dan sifat-sifat institusi yang menjadikan sekolah itu mempunyai keperibadian, yang relatif bertahan dan dialami oleh seluruh anggota, yang menjelaskan persepsi kolektif dari tingkah laku rutin, dan akan mempengaruhi sikap dan tingkahlaku di sekolah. Dengan ini, budaya dan iklim dalam sekolah diharap dapat membangunkan pendidikan yang berkualiti dan sekali gus menjadi kenyataan khususnya kepada Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.



Pendidikan negara era reformasi dalam konteks autonomi daerah dengan semua aspek kuasa dan tanggung jawab adalah bertujuan memperkasakan pendidikan. Ini adalah jelmaan pendidikan demokrasi sekali gus bertanggungjawab untuk pembangunan pendidikan yang tidak lagi sepenuhnya dirangka oleh kerajaan pusat tetapi oleh masyarakat. Melalui kerjasama antara kerajaan pusat, kerajaan tempatan dan masyarakat, akan secara langsung menyumbang kepada pembangunan pendidikan. Pembaharuan ini dilakukan seiring dengan wawasan pendidikan negara yang dinyatakan dengan jelas dalam Akta No 20 tahun 2003 Sistem Pendidikan Nasional bagi Republik Indonesia. Pendidikan negara ini bertujuan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang kuat dan berwibawa untuk memberi peluang kepada semua warganegara Indonesia berkembang dengan berkualiti, cekap dan proaktif dalam menghadapi cabaran zaman yang sering berubah-ubah.

Salah satu faktor untuk mencapai matlamat pendidikan sekolah dan keberkesanan sekolah ialah dengan adanya budaya sekolah yang baik seperti dinyatakan oleh Deal & Peterson (2009) bahawa budaya sekolah merupakan satu set nilai-nilai yang mendasari tingkah laku, tradisi dan simbol-simbol yang diamalkan oleh pengetua, guru-guru, kakitangan pentadbiran, pelajar dan masyarakat di sekitar sekolah.



Guru dan sekolah perlu mengintegrasikan nilai-nilai budaya kerana kebudayaan juga ditakrifkan sebagai keseluruhan sistem, idea, tindakan dan produk hasil usaha manusia dalam konteks masyarakat yang digunakan untuk pembelajaran diri manusia (Koentjaraningrat, 2003). Oleh itu, budaya terbentuk melalui perjalanan masa dalam sejarah dan berkembang dari satu generasi ke satu generasi.

Perubahan tingkah laku dalam lingkungan keluarga menjadi faktor utama dalam mempengaruhi tingkah laku dan moral seseorang pelajar. Selain lingkungan masyarakat dan sekolah, perubahan perilaku dan moral pelajar terbentuk daripada keadaan sekeliling. Hal ini dilihat daripada kegiatan yang dilakukan pelajar seperti mendengar radio atau aktiviti membaca surat khabar. Namun, masalah moral terjadi kerana pola hidup yang semata-mata mengejar kepuasan materialistik, kesenangan hawa nafsu dan tidak mengindahkan nilai-nilai agama. Adanya tayangan adegan kekerasan dan adegan yang menjurus kepada pornografi, disyaki banyak mempengaruhi tingkah laku agresif remaja dan menyebabkan terjadinya pergeseran moral pergaulan, hingga meningkatkan terjadinya pelbagai pelanggaran norma susila. Hampir setiap hari boleh dibaca berlakunya kes-kes perkosaan dan pembunuhan yang menggemparkan kerana si pelaku diilhamkan oleh adegan-adegan porno dan sadis dalam filem dan drama yang pernah ditontonnya (Narwoko dan Suyanto, 2004).

Dalam meningkatkan keberkesanan sekolah, perlu difahami budaya sekolah sebagai model. Melalui pemahaman budaya sekolah maka pelbagai isu sekolah boleh didapati dan pengalaman yang boleh dilihat. Setiap sekolah sangat unik berasaskan corak interaksi dalaman dan luaran komponen sekolah.

Menurut Hopkins. (2005), salah satu faktor penghalang kepada pencapaian sekolah ialah budaya organisasi sekolah. Ini kerana budaya sekolah akan memberikan pengaruh besar dalam pembangunan sekolah yang berkesan. Budaya sekolah ini penting dalam proses pembelajaran kerana akan memberikan dorongan terhadap pencapaian pendidikan yang berkualiti sehingga sesebuah sekolah itu mencapai tahap sekolah yang berkesan. Zamroni (2003) menyatakan bahawa nilai, norma, ritual dan mitos yang dibentuk dalam perjalanan panjang sesebuah sekolah dipanggil budaya sekolah.

Keunggulan sebuah sekolah diukur dengan mempunyai budaya sekolah yang kukuh dan tetap wujud. Budaya sekolah yang merupakan jiwa dan kekuatan sekolah bagi membolehkan sekolah itu tumbuh berkembang dan melakukan penyesuaian dengan pelbagai persekitaran yang ada.

Sekolah Menengah Kejuruan memiliki budaya sekolah yang rendah dan terlihat banyaknya perilaku yang tidak senonoh dalam kalangan pelajarannya. Ini akibat daripada beberapa faktor yang mempengaruhinya, antaranya pengaruh sekeliling yang mencakupi faktor individu dan interaksi sosial dalam masyarakat. Menurut Wiyani (2012), salah satu fenomena yang menarik perhatian dalam dunia pendidikan adalah kekerasan di sekolah, baik yang dilakukan oleh guru terhadap pelajar, mahupun oleh pelajar terhadap pelajar lain. Apabila membicarakan perilaku pelajar, akan pula membahaskan tentang hubungan dan kecenderungan yang menyebabkan perilaku tersebut muncul.

 Kecenderungan pelajar berperilaku agresif berarti tingkah lakunya dalam pergaulan dalam kawasan afektif. Center for the Study and Prevention of School Violence iaitu pusat pembelajaran dan pencegahan keganasan di sekolah yang terletak di Boulder mengemukakan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan tingkah laku buli adalah faktor individu, keluarga, rakan sebaya, dan sekolah.

Tindakan ganas dalam pendidikan formal juga memberi kesan kepada kehidupan sosial. Adanya pemberitaan di televisyen yang menghidangkan tayangan tentang tindakan yang tidak bermoral pelajar seperti vandalisme dan perkosaan yang pelakunya ialah pelajar sekolah, kecurian, rompakan, geng motor yang berakhir dengan pergaduhan dengan senjata tajam yang pelakunya ialah pelajar sekolah. Itu belum lagi kes video porno yang ternyata 90% pelakunya adalah pelajar remaja

 (Musfiroh, 2008).  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Selain itu hasil dalam satu kajian lain, penelitian yang telah dilakukan oleh Yuliono (2011) di SMA Karangturi mendapati bahawa SMA Karangturi ialah sebuah sekolah yang cemerlang dan mempunyai ciri-ciri budaya yang berbeza dengan sekolah-sekolah lain. Pelbagai pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik di peringkat tempatan, kebangsaan dan juga antarabangsa diperoleh sekolah ini. Dalam bidang akademik, Sekolah Menengah Atas (SMA) Karangturi ialah salah satu sekolah terbaik berbanding sekolah-sekolah terkemuka di Semarang. Sekolah ini merupakan salah satu daripada enam buah sekolah yang mencapai 100% keputusan pada 2010.

Pencapaiannya bukan dalam akademik sahaja malah ditunjukkan dengan beberapa kali menang dalam Sukan Olimpik peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Seperkara lagi yang menarik di sekolah ini adalah kebanyakan pelajarannya melanjutkan pengajian ke luar negara.

SMA Karangturi juga mencapai budaya sekolah tinggi meliputi aspek keseimbangan antara bimbingan akademik dan bukan akademik; membentuk watak yang boleh disesuaikan kepada situasi pembelajaran, cinta akan budaya alma mater, dan mementingkan aspek dan nilai kerohanian (Yuliono, 2011).

Budaya sekolah adalah suatu pola andaian asas hasil invensi, penemuan atau pembangunan oleh suatu kumpulan tertentu, semasa proses mengatasi masalah-masalah yang telah berjaya baik dan dianggap sah, hingga akhirnya diajarkan kepada warga baharu sebagai cara-cara yang benar dalam memandang, memikirkan, dan merasakan masalah-masalah tersebut (Schein, 2010).

Budaya sekolah merupakan komponen yang sangat penting untuk memajukan sekolah iaitu dengan memastikan budaya sekolah yang positif dan memberi perhatian kepada ibu bapa, guru dan pelajar yang akan menghasilkan persekitaran penyayang, mencapai matlamat sekolah dan meningkatkan pencapaian pelajar (Sergiovani dan Starrat, 2000).

Cheng (1993) dalam kajiannya mendapati sekolah yang mempunyai budaya yang kukuh menghasilkan guru yang bermotivasi, persekitaran organisasi yang kaya dengan ideologi, mempunyai pengertian bersama dan kepimpinan yang berkarisma. Guru memainkan peranan yang penting bagi memastikan matlamat menjadi sebuah sekolah berkesan tercapai. Tanpa kesedaran tentang kepentingan budaya sekolah, guru tidak akan berjaya dalam meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah.

Masalah lain yang sering terjadi dalam sekolah iaitu buli,. Masalah ini semakin sering berlaku di sekolah. Berdasarkan kajian yang dilakukan Suruhanjaya Nasional Perlindungan Anak tahun 2007, lebih daripada 90% kanak-kanak pernah diejek di sekolah. Selain itu, kajian yang disokong oleh Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Masalah Anak (Unicef), masih banyak anak-anak di Indonesia yang diperlakukan buruk oleh temannya sendiri. Kajian yang dilakukan pada 2002 melibatkan 125 kanak-kanak dan berlangsung selama enam bulan. Kajian ini meliputi wawancara yang diawasi dengan sangat teliti. Hasil penyelidikan mendapati dua per tiga anak laki-laki dan satu pertiga kanak-kanak perempuan pernah dipukul manakala lebih dari seperempat anak perempuan dalam kaji selidik itu pernah diperkosa.

Pelajar yang memiliki prestasi pencapaian akademik yang rendah kebanyakannya disebabkan pergaulan dan berperilaku yang tidak baik, dan ponteng kelas.. Menurut Ubben & Huges (1987); Brookeover et al. (1996), budaya sekolah mampu mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dan penting apabila dikaitkan dengan kecemerlangan sekolah. Mortimore (1995) menyatakan sekolah yang

berkesan merujuk kepada sekolah yang memberi nilai atau hasil iaitu pencapaian akademik dan peningkatan dalam kemahiran asas menulis, mengira dan membaca.

Dalam meningkatkan kualiti pendidikan, budaya sekolah adalah sangat penting ke arah pembaikan supaya semua elemen sekolah termasuk guru dan pengetua dapat memahami tentang budaya sekolah dan meningkatkan hubungan yang harmoni antara sesama elemen sekolah. Zamroni (2011) menyatakan bahawa tabiat, nilai, norma, ritual dan mitos dibentuk sekian lama dipanggil budaya sekolah. Budaya sekolah ini diamalkan bersama-sama dengan pengetua, guru-guru, kakitangan pentadbiran dan pelajar sebagai asas untuk memahami dan menyelesaikan masalah yang timbul di sekolah.

Zamroni (2011) turut menyatakan guru-guru yang tidak mengendali dan memperbaiki budaya sekolah yang sedia ada, kurang berkerjasama dan kurang mewujudkan suasana harmoni di sekolah melambangkan ketidakmampuannya dalam menciptakan budaya sekolah yang baik. Morgan (1986) turut menyatakan sekolah yang mempunyai budaya yang lemah mencerminkan kelemahan dalam pengurusan hingga boleh menimbulkan konflik dalaman. Konflik dalaman yang tidak dapat dikawal ini akan menjejaskan misi dan matlamat sekolah dan pada masa yang sama akan menjejaskan usaha-usaha ke arah kecemerlangan.

Sebaliknya, sebuah sekolah yang mempunyai budaya yang teguh akan mempunyai guru-guru yang mengikut arahan, bekerjasama, beriltizam yang tinggi, bersemangat kekitaan yang tinggi, mempunyai nilai yang dikongsi bersama dan berpegang teguh kepada nilai teras. Ini menunjukkan persetujuan yang tinggi dalam

kalangan elemen sekolah terhadap sesuatu perkara dan patuh kepada nilai-nilai organisasi tanpa banyak persoalan Dubrin & Ireland (1993) dan Robbins (2013).

Budaya sekolah bukan suatu entiti statik. Ia sentiasa dibina dan terbentuk melalui interaksi dengan orang lain dan melalui pantulan kepada kehidupan dan dunia ini secara umum (Finnan, 2000). Budaya sekolah berkembang apabila kakitangannya berinteraksi antara satu sama lain, dengan pelajar dan masyarakat. Hollins (1996) berpendapat bahawa sekolah dibentuk oleh amalan budaya dan nilai yang mencerminkan norma-norma masyarakat yang telah mereka bangunkan.

Terdapat perbezaan antara budaya sekolah yang cemerlang, sederhana dan rendah. Menurut Nor, Pihie dan Ali (2008) kecemerlangan budaya sekolah tidak bergantung kepada keputusan peperiksaan. Pelajar berprestasi tinggi mempunyai persepsi positif terhadap budaya sekolah jika dibandingkan dengan pelajar berprestasi rendah kerana guru memberi lebih perhatian kepada pelajar berprestasi tinggi dan kerana itu mungkin mereka didapati lebih bermotivasi dan berminat terhadap pelajaran.

Oleh itu, keberkesanan sekolah dilihat daripada pencapaian akademik dan bukan akademik. Keberkesanan itu dengan memiliki pendidikan yang berkualiti, dan pendidikan berkualiti itu memerlukan pelbagai elemen yang mendorong proses pembelajaran untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah. Secara makro banyak faktor yang memberi kesan kepada kualiti pendidikan termasuk faktor-faktor kurikulum, asas pendidikan, kemudahan pendidikan, penggunaan teknologi dan komunikasi dalam pendidikan, terutamanya dalam proses pengajaran dan

☎ pembelajaran, kaedah petisyen, strategi dan pendekatan yang canggih dalam pendidikan, penilaian kaedah pendidikan yang sesuai, kos pendidikan yang mencukupi, pengurusan pendidikan sekolah yang dilaksanakan secara profesional, pendidikan sumber manusia yang terlatih, berpengetahuan, berpengalaman dan profesional (Hadis dan Nurhayati, 2010).

Menurut Campbell (2005) pengaruh lingkungan dipandang relevan dalam pembentukan perilaku pelajar dan persekitaran sekolah. Izzaty (2005) menjelaskan bahawa ramalan yang datang daripada persekitaran sekolah menunjukkan perkaitan ketara, secara langsung dan memberi sumbangan sebanyak 21.45% daripada tingkah laku bermasalah.

☎ 05-4506832 Keberkesanan sekolah terlihat menerusi hasil yang dicapai melebihi harapan yang diinginkan. Sekolah yang berkesan memiliki kualiti pendidikan yang tinggi dan berjaya mencapai matlamat sekolah. Sekolah yang berjaya membentuk satu iklim dan etos sekolah yang cemerlang yang menjadi amalan dalam kalangan warga sekolah akan sekaligus berjaya meningkatkan prestasi dan pencapaian akademik pelajarannya. Untuk mencapai pendidikan berkualiti, semua itu diperlukan. Perancangan program pendidikan yang baik diperlukan. Perancangan pendidikan perlu memberi perhatian kepada syarat-syarat yang memberi kesan, strategi yang sesuai, langkah-langkah perancangan dan mempunyai kriteria penilaian untuk mencapai tahap pendidikan berkualiti tersebut (Nurkolis, 2003).

Budaya sekolah boleh menjadi pengaruh yang positif kepada pembelajaran atau juga boleh menghalang fungsi sebenar sekolah. Dalam persekitaran kerja, pekerja dan pelanggan lebih suka berada dalam keadaan yang menarik. Hansen dan Childs (1998) menjelaskan iklim sekolah positif digambarkan sebagai tempat di mana pelajar-pelajar dan guru-guru berjumpa. Tempat yang mendapat sokongan daripada iklim dan galakan (Hansen dan Childs, 1998).

Suasana di sekolah mendedahkan pelajar kepada interaksi sesama pelajar, dan juga interaksi antara pelajar dengan pendidik. Interaksi ini sering menyebabkan kesan sampingan yang negatif. Jayantini (2004) mengatakan bahawa sifat anak yang suka dipandang hebat oleh rakan-rakannya dengan menekan atau mengancam rakan lain, jika dibiarkan boleh memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyelesaikan setiap masalah dengan cara kekerasan. Oleh itu wajar, keberkesanan sekolah dinilai berdasarkan kepada pencapaian dan kemajuan akhlak pelajar yang mengutamakan pembentukan sikap setiap pelajar.

Kenakalan remaja timbul kerana beberapa sebab, antaranya keadaan keluarga, kewujudan pendidikan formal dan keadaan persekitaran masyarakat. Penyelewengan itu tidak akan berlaku sekiranya pelajar mempunyai persekitaran keluarga dan persekitaran masyarakat yang baik, suasana di rumah yang selesa, komunikasi yang mantap antara ibu bapa dan anak-anak, serta pemupukan nilai-nilai agama yang diberikan sejak dari awal, maka anak itu tidak akan memerlukan perhatian dan keselesaan di luar rumah.

05-4506832 Kemerosotan amalan budaya sekolah dan iklim sekolah yang baik turut terlihat daripada sikap kurang hormat pelajar kepada guru. Perilaku ini tampak dalam apabila pelajar sering acuh tak acuh terhadap keberadaan guru dan kakitangan pentadbiran sekolah, kurang menepati waktu dan tidak mengindahkan peraturan. Pelajar masih sering terlambat masuk kelas, ponteng, tidak memakai pakaian seragam dengan lengkap, berpakaian baju seragam yang tidak sesuai mengikut peraturan sekolah, membawa senjata tajam, dan kurang memelihara keindahan dan kebersihan alam sekitar. Perilaku ini wujud dan terlihat daripada perbuatan menconteng dinding sekolah atau kelas, merosakkan tanaman dan membuang sampah merata-rata. Perkelahian antara sesama pelajar sering terjadi bahkan turut melibatkan perkelahian antara beberapa sekolah. Perlakuan nakal pelajar lelaki yang mengganggu pelajar perempuan tanpa mengira mereka berada dalam persekitaran sekolah. Hasil kajian yang dilakukan oleh Mahardayani & Ahyani (2009) juga menyebutkan bahawa daripada 180 orang remaja, 94% menyatakan pernah melakukan tindakan yang tidak menyenangkan terhadap orang lain.

Penurunan budaya dan iklim sekolah yang terjadi saat ini diburukkan lagi dengan adanya kenakalan pelajar yang cenderung kepada tindakan jenayah. Hal ini terbukti dengan adanya penglibatan pelajar dalam kes kecurian, penyalahgunaan dadah, malah hingga pembunuhan. Data Suruhanjaya Perlindungan Anak Indonesia mengemukakan bahawa dalam sepanjang tahun 2014, terdapat 19 kes buli di sekolah. Jumlah ini berdasarkan aduan langsung melalui media dan mel elektronik.

Kesibulan ini berbeza-beza, mulai dari ejekan sehingga perlakuan kasar yang menyebabkan kecederaan. Semakin kompleksnya permasalahan yang timbul akibat kenakalan pelajar, sehinggakan sekolah perlu melibatkan agensi-agensi berkaitan seperti agensi-agensi bukan kerajaan, polis dan jabatan yang terbabit.

Iklm sekolah dilihat sebagai sebahagian daripada persekitaran sekolah yang berkaitan dengan sikap, dimensi afektif dan sistem kepercayaan yang memberi kesan kepada kognitif kanak-kanak sekolah, sosial dan perkembangan psikologi. Iklm sekolah ditunjukkan dalam interaksi sosial di dalam dan di luar bilik darjah atau di dalam bilik fakulti (Ashby & Krug, 1998).

Iklm sekolah yang positif boleh dibangunkan melalui penilaian, analisis, kepimpinan, komuniti pembelajaran profesional dan pemantauan kemajuan. Iklm sekolah memberi kesan ketara kepada tingkah laku guru dan dengan itu memberi kesan kepada iklm sekolah atau secara signifikan juga boleh menjadi halangan kepada keberkesanan sekolah.

Teori pendidikan sekolah melaporkan bahawa kesan utama kepada pembelajaran diselesaikan melalui iklm dan budaya sekolah dan tidak menunjukkan kesan langsung (Hallinger & Heck, 1998). Freiberg & Stein (1999) menerangkan iklm sekolah sebagai hati dan jiwa sekolah dan terdapatnya guru sekolah yang menarik dan pelajar mencintai sekolah dan mahu menjadi sebahagian daripadanya.

Wang et al. (1997) mendapati bahawa budaya sekolah dan iklim mempengaruhi peningkatan pencapaian pelajar. Kajian mereka juga mendapati bahawa polisi, organisasi sekolah dan pelbagai latar belakang pelajar, kerajaan, mempunyai kesan yang besar kepada proses pembelajaran para pelajar. Dalam kajian Maslowski (2001); Hoy et al. (2006) mendapati bahawa budaya dan iklim sekolah mempengaruhi pencapaian pelajar. Iklim sekolah boleh mempunyai kesan positif ke atas prestasi pelajar dan keupayaan para pelajar untuk belajar.

Iklim sekolah boleh memberi kesan positif kepada tahap penglibatan pelajar di sekolah. Penglibatan ditakrifkan sebagai hubungan antara pelajar dan masyarakat sekolah, termasuk guru-guru di sekolah, rakan sebaya, dan kurikulum (Yassie-Mintz, 2009). Pelajar yang berasa diterima di dalam masyarakat sekolah lebih berkemungkinan untuk mencapai kejayaan akademik dan kurang cenderung untuk melibatkan diri dalam tingkah laku berisiko (Blum, 2005).

Satu kajian mengenai iklim sekolah dan pencapaian menunjukkan bahawa pengetua dapat meningkatkan pembelajaran pelajar dengan membangunkan matlamat yang diterima dengan disokong oleh kakitangan dan melaksanakan struktur yang menyokong individu untuk bertolak ansur dengan tekanan dan mengekalkan kestabilan serta respons kepada tuntutan persekitaran sekolah (MacNeil, Prater & Busch, 2009).

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan budaya dan iklim sekolah untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah. Budaya dan iklim sekolah yang lahir dan berkembang di sekolah ini akan memberi kesan kepada proses pembelajaran. Budaya dan iklim sekolah yang berbeza-beza dari satu sekolah ke sekolah lain yang dapat dilihat dalam aktiviti, tingkah laku dan sikap komuniti sekolah.

Pembaikan budaya dan iklim sekolah memberi kesan kepada pendidikan di sekolah-sekolah. Pendidikan di sekolah tidak akan diperoleh jika sekolah mempunyai budaya dan iklim sekolah yang lebih rendah. Budaya dan iklim sekolah memberikan kesan yang tinggi terhadap pencapaian sekolah yang berkesan. Tanpa budaya dan iklim sekolah yang baik, sekolah yang berkesan tak akan tercapai. Pencapaian sekolah yang berkesan di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) memerlukan kerjasama yang baik daripada semua elemen sekolah dan suasana yang kondusif, memerlukan keharmonian yang tinggi dan iklim yang baik. Oleh sebab itu, penyelidik ingin mengetahui budaya sekolah dan iklim sekolah yang sedia ada pada pencapaian keberkesanan sekolah. Penyelidik juga ingin tahu sama ada terdapat hubungan antara budaya sekolah dengan keberkesanan sekolah serta mengetahui hubungan antara iklim sekolah dengan keberkesanan sekolah.



Kajian ini mengkaji pengaruh budaya dan iklim sekolah yang menyumbang kejayaan kepada keberkesanan sekolah. Keberkesanan sekolah dapat dilaksanakan dengan adanya budaya dan iklim sekolah yang baik. Penyelidik ingin mengenal pasti hubungan budaya dan iklim sekolah terhadap keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK).

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pengaruh budaya dan iklim sekolah dalam pencapaian keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Bekasi. Objektif khusus ialah:

- 1) Mengetahui tahap amalan budaya sekolah, iklim sekolah dan keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.
- 2) Mengetahui perbezaan budaya sekolah kalangan guru berdasarkan latar belakang guru di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.
- 3) Mengetahui perbezaan iklim sekolah kalangan guru berdasarkan latar belakang guru di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.
- 4) Mengetahui perbezaan keberkesanan sekolah kalangan guru berdasarkan latar belakang guru di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.



- 5) Mengenal pasti pengaruh antara budaya sekolah terhadap keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.
- 6) Mengenal pasti pengaruh antara iklim sekolah terhadap keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.
- 7) Mengenal pasti pengaruh antara budaya sekolah dan iklim sekolah terhadap keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dibina bertujuan untuk memastikan semua objektif kajian dapat dicapai. Bagi tujuan tersebut, kajian ini mengemukakan tujuh soalan kajian yang utama seperti berikut:

- 1) Apakah tahap amalan budaya sekolah, iklim sekolah dan keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Bekasi?
- 2) Adakah terdapat perbezaan budaya sekolah menurut guru berdasarkan latar belakang guru di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi?
- 3) Adakah terdapat perbezaan iklim sekolah menurut guru berdasarkan latar belakang guru di Sekolah Menengah

- 4) Adakah terdapat perbezaan keberkesanan sekolah menurut guru berasaskan latar belakang guru di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi?
- 5) Adakah terdapat pengaruh budaya sekolah terhadap keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi?
- 6) Adakah terdapat pengaruh antara iklim sekolah terhadap keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi?
- 7) Adakah terdapat pengaruh antara budaya sekolah dan iklim sekolah terhadap keberkesanan sekolah di Sekolah menengah

1.7 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini diajukan enam hipotesis kajian. Hipotesis kajian akan diuji menggunakan analisis korelasi dan regresi. Hipotesis kajian dibina agar semua objektif kajian dapat dicapai. Hipotesis kajian yang dibuat dan ingin diuji adalah seperti berikut:

H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan budaya sekolah menurut guru berasaskan latar belakang guru di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.

H₀₂ : Tidak terdapat perbezaan iklim sekolah menurut guru berasaskan latar belakang guru di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.

H₀₃ : Tidak terdapat perbezaan keberkesanan sekolah menurut guru berasaskan latar belakang guru di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.

H₀₄ : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara budaya sekolah dengan keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.

H₀₅ : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara iklim sekolah dengan keberkesanan sekolah di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.

H₀₆ : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara budaya sekolah dan iklim sekolah dengan keberkesanan sekolah di Sekolah menengah Kejuruan (SMK) di Bekasi.

1.8 Kepentingan Kajian

Kementerian Pendidikan Indonesia menggariskan dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar, unsur-unsur di dalam sekolah perlu membentuk budaya dan iklim sekolah yang baik. Tujuannya supaya sekolah dapat memberikan input yang baik untuk kualiti pendidikan dan warga sekolah dapat meneruskan pencapaian cemerlang.

Kajian ini bertujuan untuk membawa manfaat pengurusan pengetahuan dalam pembangunan pendidikan terutamanya berkenaan dengan pengurusan pendidikan dan pengurusan organisasi sekolah. Fungsi pengurusan bertindak sebagai pemimpin kepada guru-guru di sekolah dan pemeliharaan guru dalam pengurusan pendidikan sebagai sebuah organisasi pendidikan. Di samping itu, kajian ini boleh memberi cadangan yang membina untuk sekolah-sekolah yang lain dalam membangunkan budaya dan iklim sekolah, dan budaya yang berasaskan iklim sekolah.

Kajian ini dijangka sebagai amalan pendidikan pemimpin masa hadapan negara ini yang berasaskan sains dan teknologi untuk faedah dan kebajikan masyarakat dan negara. Hasil yang diharapkan daripada kajian ini juga berfungsi sebagai input bermaklumat untuk penyelidikan selanjutnya berkenaan usaha-usaha pembangunan mentaliti pelajar. Kajian ini dijangka memberi pengetahuan strategik dalam pembangunan budaya dan iklim di sekolah dan pada masa yang sama boleh meningkatkan pencapaian pelajar.

Kajian ini juga akan menjadi rujukan untuk guru dalam usaha untuk membangunkan budaya dan iklim sekolah yang baik demi meningkatkan prestasi pelajar dan memberi maklum balas kepada guru-guru dalam pelbagai kegiatan. Jenis dan tahap pendidikan yang diperlukan untuk melaksanakan proses pembelajaran dengan budaya dan iklim sekolah, perlu diselenggara dengan baik supaya peningkatan dalam prestasi pelajar akan dapat dicapai selaras dengan objektif yang dikehendaki.

05-4506832 Faedah daripada kajian ini yang berkaitan dengan budaya dan iklim sekolah di sekolah akan memberikan dorongan dan motivasi kepada pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran, mewujudkan persekitaran sekolah dan suasana yang kondusif untuk merangsang pelajar untuk belajar dengan lebih tekun supaya proses pembelajaran berjalan lancar. Di samping itu, proses pembelajaran di sekolah tidak akan berjaya jika budaya dan iklim sekolah tidak kondusif. sekaligus tidak memungkinkan akan menghasilkan prestasi para pelajar. Oleh itu budaya dan iklim sekolah yang baik akan menghasilkan satu proses pembelajaran yang baik supaya pelajar dapat mewujudkan prestasi dalam pencapaian pendidikan yang berkualiti di sekolah.

1.9 Batasan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berasaskan pernyataan masalah di atas maka dalam kajian ini masalah yang akan dikaji dibatasi terhad kepada aspek budaya, iklim dan keberkesanan sekolah, pencapaian keberkesanan sekolah yang dihubungkan dengan aspek budaya sekolah dan iklim sekolah. Kajian yang dilakukan di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Bekasi akan dilaksanakan dengan kaedah penyelidikan kuantitatif. Kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik. Penyelidik ingin mendedahkan amalan yang berkaitan dalam langkah-langkah pendidikan bagi meningkatkan amalan budaya sekolah dan mengintegrasikannya dengan iklim sekolah dalam mewujudkan keberkesanan sekolah yang akan menjadi acuan dalam penyelidikan ini.

Budaya sekolah adalah suatu pola andaian asas hasil penemuan atau pembangunan oleh suatu kumpulan tertentu saat ia belajar mengatasi masalah-masalah yang telah berhasil baik serta dianggap valid, dan akhirnya diajarkan ke warga baru sebagai cara-cara yang benar dalam memandang, memikirkan, dan merasakan masalah-masalah tersebut (Schein, 2010).

Berkaitan iklim sekolah, banyak kajian yang menunjukkan bahawa iklim sekolah yang positif sangat penting sebagai pencegahan yang berkesan terhadap masalah risiko (Berkowitz & Bier, 2006). Menurut Johnson & Stevens (2006), persepsi guru terhadap iklim sekolah di 59 buah sekolah dasar yang dinilai menggunakan *Leq* yang telah diubahsuai, mendapati hubungan positif antara persepsi guru dan iklim sekolah terhadap pelajar iaitu guru dan iklim mempunyai hubungan yang boleh mempengaruhi prestasi pelajar di sekolah. Iklim sekolah merupakan faktor penting dalam kejayaan pelaksanaan program reformasi sekolah (Gittelsohn et al., 2003). Persepsi guru terhadap iklim sekolah mempengaruhi kemampuan mereka untuk melaksanakan karakter dan pengembangan program berasaskan sekolah (Beets et al., 2008; Guo, 2012). Iklim sekolah yang positif dan berterusan dapat mendorong perkembangan proses pembelajaran pelajar yang diperlukan untuk kehidupan yang produktif, konstruktif dan memuaskan. Oleh itu dalam mewujudkan keberkesanan sekolah perlu diwujudkan dengan budaya sekolah dan iklim yang baik (Wang et al., 1997; Maslowski, 2001). Sistem pendidikan kini memerlukan guru yang berkelayakan dan sistem pendidikan berkualiti yang mampu melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri keperibadian yang unggul seperti sifat jati diri yang tinggi, inovatif, produktif, berdaya saing dan kreatif.

Oleh itu dapat dirumuskan bahawa terdapat pelbagai isu yang berkaitan dengan budaya dan iklim sekolah dalam mewujudkan keberkesanan sekolah. Oleh sebab itu, dalam kajian ini persoalan dibatasi oleh pembolehubah budaya dan iklim sekolah dan pencapaian keberkesanan sekolah.

1.10 Kerangka Kajian

1.10.1. Kerangka Teoritik Kajian

1.10.1.1. Teori Budaya Sekolah

Dalam kajian ini, tumpuan utama adalah teori yang menjadi rujukan. Sergiovanni, (2000) menyatakan budaya sekolah dibentuk oleh warganya maka budaya boleh berubah dan orang yang paling berpengaruh untuk mengubah dan mencorakkan budaya sekolah adalah kepemimpinan seorang pengetua sekolah. Beliau menyarankan agar budaya sekolah dijadikan sebagai alat penting untuk menghasilkan persekitaran penyayang, mencapai matlamat sekolah dan meningkatkan pencapaian pelajar.

Taylor (1874) dalam Haviland (1985) menyatakan budaya ialah keseluruhan yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, orang asli, dan keupayaan dan tabiat yang lain yang diperoleh oleh manusia sebagai ahli masyarakat. *The School Culture Survey (SCS)* daripada Gruenert (1998) memberikan data tentang budaya sekolah iaitu terdapat enam dimensi atau faktor iaitu (1) Kepemimpinan kolaboratif, (2)

05-4506832 Guru kolaborasi, (3) Pengembangan profesional, (4) Kesatuan tujuan, (5) Dukungan kolegal, dan (6) Belajar Kemitraan.

Hoy & Miskel (2003) merujuk budaya sebagai satu set kesefahaman utama, biasanya tidak bertulis dan dikongsi bersama oleh ahli-ahli organisasi. Satu set kesefahaman merujuk kepada kepercayaan, nilai, norma dan andaian *tacit* (difahami, tidak disebut, atau tersirat) yang dikongsi dan dihayati bersama (Schein, 2010). Kepentingan membina budaya sesuatu sekolah untuk mencapai objektif pendidikan sekolah dan memperbaiki kualiti pendidikan seperti yang dinyatakan oleh Robbins (2013) bahawa budaya organisasi di sekolah ada hubung kaitnya dengan peningkatan motivasi, pencapaian pelajar, kepuasan kerja guru dan produktiviti.

Cheng (1993) menemukan bahawa terdapat banyak faktor penyumbang terhadap peningkatan budaya sekolah. Kajiannya berkaitan budaya sekolah mengaitkan sikap guru terhadap pekerjaan mereka dan didapati selagi adanya penglibatan dan kerjasama timbal-balik sesama unsur dalam sekolah itu, guru akan menikmati kepuasan kerja yang lebih tinggi. Ini dapat dilihat dalam budaya sekolah yang kolaboratif yang mendasari norma-norma, nilai-nilai, keyakinan dan andaian, sesuatu sekolah akan mempengaruhi kualiti pengajaran secara keseluruhan (Peterson, 1994).



05-4506832

1.10.1.2 Teori Iklim Sekolah



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam kajian ini, tumpuan utama adalah teori yang menjadi rujukan iaitu Ubben & Hughes (1992). Pengembangan iklim belajar yang positif di sekolah memerlukan dasar struktur organisasi yang baik dan ini dapat ditingkatkan melalui penyertaan aktif dari seluruh komuniti sekolah dan alumni (Heck et al., 1990; Ubben & Hughes, 1992).

Iklim sekolah ditakrifkan sebagai aspek fizikal dan psikologi sesebuah sekolah yang menyediakan pra-kondisi yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Tableman, 2004). Untuk memeriksa iklim organisasi dengan meneroka kesihatan organisasi (Hoy & Feldman, 1987; Hoy, Tarter, & Kottkamp, 1991; Hoy & Miskel, 2008), Miles (1965) dan Parsons (1967) merupakan antara perintis dalam perbincangan mengenai kesihatan sekolah dan perbandingan sekolah dengan sistem sosial.

Iklim sekolah memiliki beberapa dimensi berdasarkan *Organizational Health Inventory for Secondary Schools [OHI-S]* (Hoy & Feldman, 1987) yang terdiri dari tujuh dimensi dalaman yang utama: integriti institusi, pengaruh utama, pertimbangan, struktur memulakan, sokongan sumber, moral dan penekanan akademik. Tujuh dimensi ciri aspek iklim tersebut membahaskan tentang kejayaan interaksi di antara anggota organisasi serta kemampuan organisasi untuk mengatasi stres dalam lingkungan organisasinya



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Hoy dan Miskel dalam Pretorius dan Villiers (2009) menjelaskan iklim sekolah merujuk kepada hati dan jiwa sesebuah sekolah, psikologi dan sifat institusi yang menjadikan sekolah mempunyai keperibadian, yang relatif bertahan dan dialami oleh seluruh anggota, yang menjelaskan persepsi kolektif daripada perilaku rutin, dan akan mempengaruhi sikap dan tingkah laku di sekolah. Kesihatan organisasi pula merujuk kepada keupayaan organisasi untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berterusan dalam organisasi. Konsep OHI menurut Mile (1971) terdiri daripada 10 elemen yang boleh diukur iaitu; fokus matlamat, kecekapan komunikasi, persamaan kuasa optimum, penggunaan sumber, perpaduan, moral, inovasi, autonomi, adaptasi dan kecekapan menyelesaikan masalah (Angus et al., 2009).

1.10.1.3. Teori Keberkesanan Sekolah

Dalam kajian ini, tumpuan utama ialah teori dari Levine dan Lezotte (1990) yang melihat sekolah berkesan dari segi hasil yang dikehendaki. Edmonds (1979) mendefinisikan keberkesanan bukan sahaja dari segi kualiti hasil tetapi juga daripada aspek kesaksamaan. Rowan (1983) pula menyarankan empat cara mengenalpasti sekolah yang berkesan iaitu: (1) menentukan kriteria khusus seperti peratus pelajar yang menunjukkan pencapaian lebih daripada median kebangsaan, (2) analisis trend yang menunjukkan skor dalam gred yang tertentu telah meningkat dari semasa ke semasa, (3) skor yang meningkat bagi sesuatu kohort dan (4) pencapaian sekolah berbanding dengan latar belakang pelajarnya.

Kajian Rutter et al. (1979) pula menunjukkan 'sekolah berkesan' mempunyai ciri yang pelbagai seperti tahap penekanan kepada akademik, tingkah laku guru di dalam bilik darjah, kewujudan insentif dan ganjaran, persekitaran yang kondusif untuk pelajar dan sejauh mana pelajar-pelajar diberi tanggungjawab. Semua aktiviti yang disusun secara teratur dan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Pelajar akan mendapatkan layanan yang adil, tidak dibezakan sama ada kaya atau miskin dan sama ada yang cerdas pemikiran mahupun yang lembap. Kesemua mereka mempunyai peluang yang sama untuk cemerlang. Stoll dan Fink (1996), Rosenholtz (1985) dan Hopkins et al. (1994) melabelkan sekolah berkesan sebagai sekolah *moving* dan *cruising* manakala sekolah kurang berkesan disifatkan sebagai *strolling* manakala sekolah tidak berkesan sebagai sekolah *struggling* dan *sinking*. Model sekolah berkesan dapat dilihat pada Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Jenis-jenis sekolah: Sekolah cemerlang, sekolah kurang cemerlang dan sekolah tidak cemerlang. Sumber: Stoll & Fink (1996) dan Hopkinset.al. (1999).

Amir (2011) menyatakan keberhasilan pembelajaran pelajar dilihat daripada beberapa dimensi iaitu: kecerdasan, pengetahuan, kepribadian, keberhasilan, pencapaian tujuan dan tepat sasaran. Kajian longitudinal yang dilakukan oleh Roeser & Eccles (1998) membuktikan bahwa guru yang bersikap adil dan jujur memiliki kesan jangka hadapan bagi penguasaan kompetensi akademik dan nilai akademik. Terdapat beberapa dimensi dalam keberkesanan sekolah yang dikembangkan oleh *Research for Better Schools (RBS)* oleh Beyer dan Houston (2014) dalam *Assessment of School Needs for Low-Achieving Students (ASNLAS)* iaitu dimensi program dan polisi sekolah, pengurusan kelas, instruksi, harapan guru, kepemimpinan pengetua sekolah, pengembangan staf, keterlibatan pelajar dalam pembelajaran, iklim sekolah dan keterlibatan ibu bapa.


1.10.2. Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menilai pelaksanaan integrasi budaya dan iklim sekolah dalam mewujudkan keberkesanan sekolah. Peningkatan keberkesanan sekolah menjadi matlamat pendidikan. Pencapaian keberkesanan sekolah memerlukan peranan budaya dan iklim sekolah yang baik di mana budaya sekolah yang baik memberikan pengaruh yang besar kepada perilaku dan komunikasi sosial dalam sekolah yang saling menghargai, menghormati dan saling menyokong serta saling memberi. Semua itu membentuk perubahan perilaku yang sangat diperlukan untuk proses pembelajaran di sekolah. Pencapaian budaya sekolah yang baik memberikan pengaruh yang baik pula terhadap pencapaian prestasi pelajar.

Hal ini juga berlaku kepada iklim sekolah iaitu iklim sekolah membentuk suasana atau kondisi sekolah sebagaimana kenyataan (Mortimore et al., 1988; Way, Reddy dan Rhodes, 2007) bahawa iklim sekolah yang kondusif sangat membantu dalam pencapaian prestasi pelajar. Iklim sekolah yang kondusif memberikan rasa aman, nyaman, tenang, sehingga pelajar yang mengikuti proses pembelajaran di sekolah dengan lancar. Hal ini memberikan erti bahawa iklim sekolah yang baik dicipta untuk memberikan pengaruh dalam pencapaian prestasi pelajar (Wang et.al., 1997; Maslowski, 2001; Hoy et al., 2006).

Keberkesanan sekolah dengan budaya dan iklim sekolah boleh diwujudkan melalui perancangan, penyusunan, panduan dan pemantauan untuk membangunkan infrastruktur, kewangan, pelajaran, peribadi (kakitangan sekolah) dan jawatankuasa sekolah (ibu bapa dan masyarakat). Perpaduan antara budaya dan iklim sekolah turut boleh dibina daripada bidang akademik yang akan diajar kepada pelajar. Unsur-unsur nilai, sikap, tingkah laku, etika atau peraturan agama dalam setiap mata pelajaran dan aktiviti-aktiviti sekolah juga menyumbang kepada pembentukan budaya sekolah yang baik dan menolak budaya yang negatif. Dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan sekolah, budaya dan iklim sekolah bukan sahaja patut difahami oleh pengetua sekolah dan guru-guru tetapi juga oleh pelajar yang terlibat dalam proses pembelajaran dan pengurusan sekolah. Oleh itu, sosialisasi untuk semua pihak berkepentingan dalaman dan luaran adalah penting untuk membawa kepada penghayatan konsep budaya dan iklim tersebut dalam membenarkan berlakunya penambahbaikan yang berterusandemi mencapai hasil yang maksimum.

Berdasarkan huraian di atas, dalam mencapai keberkesanan sekolah, konsep budaya dan iklim sekolah harus menjadi intipati pendidikan di semua peringkat pengurusan dan jenis pendidikan. Pelaksanaan budaya dan iklim sekolah boleh dilakukan melalui pembangunan pembelajaran di peringkat sekolah yang kini dilaksanakan di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah; atas alasan bahawa semasa pelaksanaan budaya dan iklim sekolah, interaksi sosial berlaku antara guru dan pelajar dan berlaku hubungan timbal balik secara formal dan tidak formal. Produk pembelajaran dan aktiviti pengajaran yang dijalankan oleh guru-guru dalam budaya sekolah profesional dan bertanggungjawab terjelma dalam tujuan pendidikan iaitu pencapaian pendidikan yang berkualiti. Kerangka konseptual kajian ini dapat dilihat pada Rajah 1.2 yang menentukan pembolehubah yang dikaji dalam penyelidikan dan analisis kajian ini.



 **Rajah 1.2. Hubungan Pembolehubah Kajian.** Diadaptasi daripada *The School Culture Survey (SCS)*, dari Gruenert dan Valentine (1998). *Organizational Health Inventory for Secondary Schools [OHI-S]* oleh Hoy & Feldman, 1987). *Research for Better Schools (RBS)* dari Beyer and Houston (2014) dalam *Assessment of School Needs for Low-Achieving Students (ASNLAS)*.

Kajian yang dilakukan dengan menghubungkan pembolehubah bebas budaya sekolah dan iklim sekolah dengan pembolehubah keberkesanan sekolah. Dimensi budaya sekolah diadaptasi dari *The School Culture Survey (SCS)*, dari Gruenert dan Valentine (1998). Dimensi iklim sekolah berdasarkan *Organizational Health Inventory for Secondary Schools [OHI-S]* oleh Hoy & Feldman, 1987), dan dimensi dalam keberkesanan sekolah diadaptasi dari *Research for Better Schools (RBS)* dari Beyer and Houston (2014) dalam *Assessment of School Needs for Low-Achieving Students (ASNLAS)*. Dari rajah 1.2, budaya sekolah, iklim sekolah dihubungkan

 terhadap keberkesanan sekolah, budaya sekolah memiliki hubungan dan pengaruh terhadap keberkesanan sekolah, iklim sekolah memiliki hubungan dan pengaruh terhadap keberkesanan sekolah dan budaya sekolah dan iklim sekolah secara bersama-sama memiliki hubungan dan pengaruh terhadap keberkesanan sekolah.



1.11. Definisi Operasional

Beberapa konsep perlu diberikan definisi secara operasional dan dijelaskan mengikut konteks kajian ini.

1.11.1. Keberkesanan Sekolah

Sergiovanni (1987) mendefinisikan keberkesanan sekolah adalah berasaskan peningkatan sekolah. Sementara Mortimore (1991) merumuskan bahawa sekolah yang berkesan ialah sekolah pendidikan pelajarannya meningkat lebih daripada apa yang diharapkan jika diambil kira latar belakang mereka. Manakala Stoll dan Fink (1996) mendefinisikan keberkesanan sekolah seperti berikut: (1) sentiasa meningkat dari tahun ke tahun, (2) menggalakkan peningkatan untuk semua pelajar lebih daripada apa yang dijangkakan jika diambil kira latar belakang dan kebolehan asal mereka, (3) memastikan setiap pelajar mencapai setinggi yang mungkin potensinya, dan (4) menggalakkan semua aspek perkembangan dan pencapaian pelajar.

Menurut Fattah (2012) sekolah terbaik ialah sekolah berkesan yang mengaplikasikan pelbagai strategi untuk meningkatkan budaya kualiti, peluang pembangunan pembelajaran, pengekalan kawalan kualiti, penggunaan kuasa yang strategik, dan memanfaatkan pengetahuan dan maklumat dengan cekap. Sekolah yang unggul dan bermutu ialah sekolah yang mampu bersaing dengan siswa di luar sekolah dan memiliki akar budaya serta nilai-nilai etika moral (akhlak) yang baik dan kuat (Abdul Chafidz, 1998).



Beyer and Houston (2014) dalam *Assessment of School Needs for Low-Achieving Students* (ASNLAS) mendedahkan faktor sekolah yang berkesan merangkumi dimensi program dan dasar sekolah, pengurusan kelas, instruksi, harapan guru, kepemimpinan pentadbir sekolah, pengembangan staf, keterlibatan pelajar dalam pembelajaran, iklim sekolah, dan keterlibatan orang tua.

Menurut kajian ini, dari penjelasan dan teori diatas maka dapat dikatakan bahawa keberkesanan sekolah merupakan sekolah yang memiliki peningkatan sumber daya sekolah, adanya pencapaian prestasi dan kualiti proses pembelajaran yang baik, jangkaan kejayaan yang tinggi, memiliki berbagai-bagai kegiatan yang positif terhadap peningkatan keberhasilan pelajar lebih daripada apa yang diharapkan.

1.11.2: Budaya Sekolah

Mengikut pandangan Stolp & Smith (1994), budaya sekolah boleh ditakrifkan sebagai corak sejarah merangkumi norma, nilai, kepercayaan, upacara, ritual, tradisi dan mitos yang difahami pada tahap berbeza-beza dalam kalangan ahli masyarakat sekolah. Deal dan Peterson (1999) menyatakan budaya sekolah ialah satu set nilai-nilai yang menjadi asas kepada tingkah laku, tradisi, tabiat, dan simbol-simbol yang diamalkan oleh pengetua, guru, pentadbir, pelajar, dan masyarakat di sekitar sekolah. Budaya sekolah ialah ciri, sifat, dan imej sekolah dalam masyarakat yang lebih luas. Menurut Taliziduhu (2008), pembentukan budaya boleh menjadi preskriptif atau programatik. Dalam preskriptif, corak budaya yang dibentuk melalui ketaatan, peniruan, penganutan dan menetapkan senario (tradisional, arahan) dari dalam atau luar pelakon

budaya berkenaan.

Begitu pula dengan yang dinyatakan oleh Komariah (2004) meletakkan seluruh budaya sekolah sebagai ciri tersendiri yang boleh ditakrifkan melalui sekolah yang disokong oleh nilai, sikap, tabiat pendedahan, dan tindakan yang ditunjukkan oleh semua kakitangan sekolah yang membentuk unit khas sistem sekolah. Sekolah sebagai sebuah organisasi mempunyai budaya yang tersendiri yang dibentuk dan dipengaruhi oleh nilai, persepsi, tabiat, dasar pendidikan dan tingkah laku orang-orang yang berada di dalamnya.

Gruenert dan Valentine (1998) memberikan data tentang faktor budaya sekolah yatu terdapat enam dimensi atau enam faktor dalam budaya sekolah, faktor tersebut ialah (1) Kepemimpinan gotong-royong, (2) Guru kerjasama, (3) Pembangunan profesional, (4) Kesatuan matlamat, (5) Sokongan kolejial dan (6) Belajar perkongsian.

Organisasi budaya seperti corak nilai, norma, sikap, persepsi, pemikiran atau idea, tingkah laku yang dibentuk semasa sesi persekolahan dan dipercayai oleh masyarakat sekolah serta berfungsi sebagai panduan dalam menyelesaikan masalah di sekolah (Zamroni, 2011; Nasution, 2010). Rahimah Ahmad dan Zulkifli Abdul Manaf (1996) menggunakan empat kriteria untuk mengukur budaya sekolah berkesan iaitu: 1) perhubungan interpersonal, 2) pengajaran dan pembelajaran, 3) pentadbiran dan pengurusan sekolah, dan 4) kemudahan fizikal. Kajian mereka mendapati bahawa budaya yang positif dalam keempat-empat aspek memberi dimensi yang lebih positif untuk menjana sekolah kearah kecemerlangan.

Dapat dikatakan bahawa budaya sekolah menjadi satu cara hidup yang saling diiktiraf oleh unsur-unsur sekolah (guru, pengetua, kakitangan, pelajar, pemegang saham) termasuk cara berfikir, tingkah laku, sikap dan nilai ini digambarkan dalam kedua-dua fizikal dan dalam bentuk yang abstrak yang menjadi andaian asas dan kepercayaan antara unsur-unsur di dalam sesuatu sekolah.

1.11.3. Iklim Sekolah

Iklim sekolah merupakan ciri-ciri yang menggambarkan ciri-ciri psikologi sesuatu sekolah. Iklim sekolah ditakrifkan sebagai satu set ciri dalaman yang membezakan antara satu sekolah dengan sekolah yang lain dan mempengaruhi tingkah laku warga sekolah tersebut (Hoy dan Miskel, 1978).

Owens dan Valesky (2011) menyatakan bahawa iklim organisasi sekolah adalah karakteristik dari keseluruhan persekitaran sekolah yang meliputi: persekitaran fisik (*ecology*), persekitaran sosial (*milieu*), sistem sosial (*social system*) dan budaya (*culture*). Hoy dan Feldman (1987) mengatakan bahawa terdapat tujuh faktor iklim organisasi sekolah yang diperincikan iaitu: integriti institusi, pengaruh utama, pertimbangan, struktur memulakan, sokongan sumber, moral dan penekanan akademik.

Hoy, Hofman, Sabo dan Bliss dalam Gunbayi (2007) mengariskan enam dimensi iklim sekolah yang dikelompokkan ke dalam dua aspek iaitu aspek perilaku ketua dan aspek perilaku guru. Tiga dimensi perilaku ketua sekolah yang diukur adalah sokongan, arahan dan batasan sedangkan tiga dimensi perilaku guru yang

diukur adalah keserakanan, komited dan mengasingkan diri.

Iklim ini boleh memberi kesan kepada sekolah iaitu iklim sekolah yang positif menunjukkan norma, harapan dan keyakinan kakitangan yang terlibat dalam organisasi yang boleh memberi dorongan kepada tindakan yang membawa kepada pencapaian pelajar yang lebih tinggi. Iklim sekolah yang positif menunjukkan semangat kekeluargaan dalam kalangan warga sekolah.

Dapat dikatakan bahawa iklim sekolah adalah karakteristik atau ciri sekolah dalam menjalankan aktiviti pembelajaran di sekolah, aktiviti ini dijalankan secara berterusan di sekolah dan dapat mempengaruhi tingkah laku warga sekolah yang membezakan antara satu sekolah dengan sekolah yang lain.

Bab ini membincangkan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Ia meliputi latar belakang kajian, istilah, tujuan dan persoalan kajian serta hipotesis kajian. Perbincangan mengenai kepentingan penyelidikan dan batasan kajian serta kerangka kajian yang terbahagi dua iaitu kerangka teoritikal kajian dan kerangka konseptual kajian turut diperjelaskan.